

PROFIL PENCAPAIAN MATA PELAJARAN SEJARAH TERHADAP PROSES BELAJAR MELALUI BIGGS REVISED TWO FACTOR STUDY PROCESS QUESTIONNAIRE

*(History Subject Achievement Profile through Study Process using Biggs
Revised Two Factor Study Process Questionnaire)*

***K. Kulasingam¹, M. Kaviza²**

Submitted: 29-Nov-2022
Accepted: 06-Dec-2022
Revised: 13-Dec-2022
Published: 20-Dec-2022

¹Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia
11800 USM Penang, Malaysia.

²Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Sulaiman,
Beseri, 02400, Kangar,
Perlis Indera Kayangan, Malaysia

*Corresponding author's email:
kavizakaviza@yahoo.com

Abstrak

Kajian berbentuk tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap proses belajar dalam mata pelajaran Sejarah bagi murid berprestasi rendah dan murid berprestasi tinggi, di samping menentukan sama ada terdapat perbezaan min proses belajar dan hubungan antara proses belajar dan pencapaian mata pelajaran sejarah berdasarkan murid berbeza tahap pencapaian. Seramai 150 orang murid terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik Revised Two Factor Study Process Questionnaire (R-SPQ-2F) dan ujian pencapaian sejarah yang telah disahkan kesahannya serta mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik. Data kajian ini telah dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi iaitu ujian-t sampel tak bersandar dan ujian korelasi Pearson melalui perisian IBMSPSS. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap proses belajar permukaan dan dalaman dalam mata pelajaran sejarah berada pada tahap sederhana tinggi. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min proses belajar permukaan dan dalaman dalam mata pelajaran sejarah berdasarkan murid berbeza tahap pencapaian. Tambahan pula, dapatan kajian ini juga melaporkan bahawa terdapat hubungan linear positif bagi proses belajar permukaan secara tinggi dan proses belajar dalaman secara sederhana terhadap pencapaian mata pelajaran sejarah. Walaupun begitu, terdapat hubungan linear positif bagi proses belajar permukaan dan dalaman dalam mata pelajaran sejarah secara sederhana bagi murid berprestasi rendah dan proses belajar dalaman secara tinggi bagi murid berprestasi tinggi. Implikasi kajian ini telah memaparkan maklumat bahawa proses belajar dan pencapaian mata pelajaran sejarah perlu diberi perhatian oleh guru-guru sejarah disebabkan kedua-dua elemen tersebut adalah saling berkait dan mempengaruhi keberkesanan proses pembelajaran mata pelajaran sejarah.

Kata kunci: Proses belajar, pencapaian mata pelajaran sejarah, Biggs Revised Two Factor Study Process Questionnaire (R-SPQ-2F), mata pelajaran sejarah

Abstract

This survey study aims to identify the level of the study process of history subject among low-achieving and high-achieving students, in addition to determine whether there are significant differences of study process and the relationship between study process and history subject achievement based on students of different level achievement. A total of 150 students were involved in this study. The

research instrument is Revised Two Factor Study Process Questionnaire (R-SPQ-2F) and history achievement test which has been validated and has a good reliability value. The data of this study has been analyzed using descriptive and inferential statistics, such as independent sample t-test and Pearson correlation test through IBMSPSS software. The findings of this study show that the level of surface and deep study process of history subject is at a high moderately level. In addition, the findings of this study also show that there is no significant mean difference of surface and deep study process of history subject based on students of different level achievement. Furthermore, the findings of this study also report that there is a positive linear relationship between history subject achievement and surface study process is at high level and deep study process is at moderate level. Beside that, there is a positive linear relationship between history subject achievement and surface and deep study process is at moderate level for low-achieving students and at high level for high-achieving students. The implications of this study have provided the information that study process and history subject achievement should be given attention by history teachers since there is related and influencing the effectiveness of history learning process.

Keywords: Study process, history subject achievement, Biggs Revised Two Factor Study Process Questionnaire (R-SPQ-2F), history subject

1.0 PENGENALAN

Pendekatan proses belajar memainkan peranan penting dalam menentukan kualiti proses pembelajaran. Hal ini demikian pendekatan proses belajar merupakan proses yang membolehkan murid menguasai, memahami dan mengekalkan pengetahuan dalam mencapai pencapaian akademik yang cemerlang dalam sistem pentaksiran dan peperiksaan. Tidak disangkal juga bahawa pendekatan proses belajar mempunyai kaitan dengan murid, konteks dan tugas dan berbeza antara seorang murid dengan seorang murid yang lain kerana melibatkan perubahan tingkah laku dalam proses pembelajaran, menyiapkan tugas yang diberikan serta proses interaksi antara murid dan guru (Choy, O'Grady & Rotgans, 2012; Ahamed et al, 2017). Sungguhpun begitu, proses belajar juga dikaitkan dengan strategi pemprosesan maklumat yang melibatkan aspek perhatian, persepsi dan pemikiran yang secara tidak langsung berkait rapat dengan perkembangan dan perubahan kognitif sama ada melalui pendidikan formal mahupun melalui pendidikan tidak formal (Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan & Abdul Aziz Abdul Shukor, 2008).

Sehubungan dengan itu, Biggs, Kember dan Leung (2001) telah mengenal pasti dua pendekatan proses belajar utama iaitu proses belajar permukaan dan proses belajar dalaman yang dipratikkan sebagai motif dan strategi dalam pemprosesan maklumat. Pendekatan proses belajar permukaan membolehkan murid-murid untuk menerima sesuatu pengetahuan baru secara tidak kritikal dan mereka tidak berupaya untuk membuat hubungkait antara pengetahuan-pengetahuan yang diperolehi secara pasif. Hal ini berbeza dengan pendekatan proses belajar dalaman yang membolehkan murid-murid dapat mengenal pasti pengetahuan baru secara kritikal, menghubungkan pengetahuan baru dengan pengetahuan sedia ada serta membentuk pelbagai proses pengabungjalinan antara pengetahuan-pengetahuan secara meluas (Faridah Hussin, Salina Hamed & Sarina Md Jam, 2017). Rentetan daripada itu, amalan pendekatan proses belajar telah dibuktikan mempengaruhi proses pengajaran guru, pentaksiran dan penilaian, pembinaan dan pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran dan pencapaian objektif dan matlamat pembelajaran (Entwistle, 1995; Seri et al, 2012), menggalakkan proses penglibatan murid dan penguasaan serta pemahaman kandungan mata pelajaran (Biggs, 1999; Biggs et al, 2001; Lublin, 2003) dan pencapaian akademik (Ramburuth & Mladenovic, 2004; Snelgrove & Slater, 2003;

Booth, Lockett & Mladenovic, 1999; Watkin, 2001; Diseth et al 2006; Duff et al, 2004; Hanim, Zaiton & Norshidah, 2013).

Oleh sebab penerokaan keberkesanan elemen pencapaian akademik dibuktikan berkait rapat dan bergantung kepada persekitaran proses belajar, maka Biggs, et al (2001) telah mengubahsuai instrumen Study Process Questionnaire dengan memberikan tumpuan kepada dua perkara utama sahaja iaitu proses belajar permukaan dan proses belajar dalaman. Tidak dinafikan juga bahawa versi pengubahsuaian instrumen tersebut telah dilaporkan mempunyai nilai kesahan dan ketekalan yang baik dari sudut psikometrik dan telah disarankan lebih sesuai dan relevan dipraktikkan dalam konteks pendidikan (Kember, Biggs & Leung, 2004; Gijbels et al, 2005; Phan & Deo, 2007; Bliac et al, 2011). Justeru, pengkaji telah mengadaptasikan Revised Two Factor Study Process Questionnaire (R-SPQ-2F) dengan memfokuskan pendekatan proses permukaan dan dalaman dalam kajian ini.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Seperti yang diketahui bahawa mata pelajaran sejarah merupakan mata pelajaran wajib dipelajari oleh semua murid secara berterusan dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima dan juga merupakan mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan awam iaitu Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Sehubungan dengan itu, adalah tidak dapat dinafikan bahawa elemen pencapaian mata pelajaran sejarah memainkan peranan penting sebagai kayu ukur untuk menilai tahap penguasaan murid-murid dalam memperoleh pengetahuan, menguasai kemahiran dan mengamalkan nilai dalam menyokong keberkesanan proses pembelajaran dan kemenjadian murid (PPK, 2018). Namun begitu, sejauh manakah proses belajar dan pencapaian dalam mata pelajaran sejarah saling mempengaruhi masih belum diketahui lagi sedangkan dalam kurikulum KSSM telah mencadangkan keperluan untuk memberi penekanan terhadap proses pembelajaran secara mendalam dalam menggalakkan penglibatan aktif dalam kalangan murid, di samping bertujuan untuk menimbulkan suasana proses pembelajaran yang menarik (PPK, 2018).

Tambahan pula, hasil tinjauan kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa pendekatan proses belajar dalaman dilaporkan telah memberi impak yang lebih positif dalam pencapaian cemerlang berbanding dengan pendekatan proses belajar permukaan terhadap proses pembelajaran (Biggs, 1987; Bernardo, 2003; Lopez et al, 2013) dan profil pencapaian murid yang berbeza dalam mempengaruhi proses belajar permukaan dan dalaman (Astika & Samakal, 2020; Hargett, Bolen & Hall, 1994; Hua, Williams & Hoi, 2007; Allah, Nwargu & Achor, 2018) yang telah menimbulkan terdapat satu jurang antara aplikasi pendekatan proses belajar dengan pencapaian akademik, khususnya dalam mata pelajaran Sejarah yang perlu diterokai. Maka, terdapat satu keperluan kepada pengkaji menjalankan kajian ini untuk meneroka profil pencapaian mata pelajaran sejarah terhadap proses belajar dalam kalangan murid seiring dengan dapatan tinjauan awal yang telah dijalankan oleh pengkaji (Kulasingam & Kaviza, 2022) yang telah mendapati bahawa amalan pendekatan proses belajar dalaman merupakan pendekatan proses belajar yang lebih dominan dipraktikkan dalam kalangan murid semasa proses pembelajaran mata pelajaran sejarah. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka profil pencapaian mata pelajaran sejarah terhadap proses belajar berdasarkan murid berbeza tahap pencapaian.

3.0 TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap proses belajar permukaan dan dalaman dalam mata pelajaran sejarah serta konstruksinya iaitu motif dan strategi bagi murid berpencapaian rendah dan murid berpencapaian tinggi, di samping mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi min proses belajar permukaan dan dalaman dalam mata pelajaran sejarah serta konstruksinya berdasarkan murid berbeza tahap pencapaian. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara min proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruksinya dengan pencapaian mata pelajaran sejarah berdasarkan tahap pencapaian murid.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Soalan kajian ini ialah:

- a) Mengetahui tahap proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruksinya iaitu motif dan strategi bagi murid berpencapaian rendah dan murid berpencapaian tinggi.
- b) Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan bagi min proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruksinya iaitu motif dan strategi berdasarkan murid berbeza tahap pencapaian.
- c) Menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara min proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruksinya iaitu motif dan strategi dengan pencapaian mata pelajaran sejarah.
- d) Menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara min proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruksinya iaitu motif dan strategi dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian rendah.
- e) Menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara min proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruksinya iaitu motif dan strategi dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian tinggi.

5.0 SOALAN KAJIAN

Soalan kajian ini ialah:

- a) Adakah tahap proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruksinya iaitu motif dan strategi bagi murid berpencapaian rendah dan murid berpencapaian tinggi?
- b) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruksinya iaitu motif dan strategi berdasarkan murid berbeza tahap pencapaian?
- c) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara min proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruksinya iaitu motif dan strategi dengan pencapaian mata pelajaran sejarah?
- d) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara min proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruksinya iaitu motif dan strategi dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian rendah?
- e) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara min proses belajar permukaan dan dalaman serta konstruksinya iaitu motif dan strategi dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian tinggi?

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini merupakan kajian tinjauan. Populasi kajian ini merupakan murid Tingkatan Lima di negeri utara Semenanjung Malaysia yang telah ditentukan berdasarkan teknik persampelan rawak mudah (Uma Sekaran & Bougie, 2013) dan terdiri daripada seramai 150 orang murid. Justifikasi pemilihan murid Tingkatan Lima dalam kajian ini adalah disebabkan oleh murid-murid telah mengikuti proses pembelajaran mata pelajaran sejarah secara berterusan dari sekolah rendah sehingga sekolah menengah yang membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang lebih tepat terhadap pendekatan proses belajar yang telah dipraktikkan dalam mata pelajaran sejarah. Pembahagian murid berpencapaian rendah dan murid berpencapaian tinggi telah dilakukan berdasarkan keputusan pencapaian sejarah iaitu murid pencapaian rendah (Gred D, E dan F) dan murid berpencapaian tinggi (Gred A, B dan C) seperti yang telah dicadangkan oleh pihak sekolah. Instrumen kajian ini merupakan ujian pencapaian sejarah dan adaptasi soal selidik Revised Two Factor Study Process Questionnaire (R-SPQ-2F) yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Sharifah Amnah Syed Ahmad (2009) dalam kajian kedoktoran beliau. Instrumen kajian ini telah disahkan kesahannya dan mempunyai nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha 0.76 bagi soal selidik yang dianggap baik dan diterima bagi tujuan kajian ini (Nunnally & Berstein, 1994). Manakala, ujian pencapaian sejarah berbentuk item objektif pula mempunyai nilai indeks diskriminasi, nilai indeks kesukaran dan nilai Kuder Richardson 0.89 yang dianggap baik dan diterima dalam kajian ini (Brown, 1981; Ebel dan Frisbie, 1991; Nunnally & Berstein, 1994). Kebenaran menggunakan instrumen soal selidik adaptasi telah diperolehi daripada pembina dan penterjemahnya. Data kajian ini telah dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi iaitu ujian t sampel tak bersandar, ujian korelasi Pearson dan ujian Regresi Pelbagai melalui perisian IBM SPSS. Interpretasi tahap proses belajar telah ditentukan berdasarkan empat tahap iaitu tahap rendah, tahap sederhana rendah, tahap sederhana tinggi dan tahap tinggi yang telah diadaptasi daripada Nunnally & Berstein, 1994) seperti ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Tahap Min

Min	Tahap
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Nunnally dan Berstein (1994)

Interpretasi kekuatan korelasi dalam kajian ini telah ditentukan berdasarkan interpretasi kekuatan korelasi yang diadaptasi daripada Davies (1971) seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 2: Interpretasi Kekuatan Korelasi

Skor Min	Tahap
1.00	Kukuh
0.70 – 0.99	Sangat tinggi
0.50 - 0.69	Tinggi
0.30 – 0.49	Sederhana
0.10 - 0.29	Rendah
0.01 – 0.09	Boleh diabaikan

Sumber: Adaptasi daripada Davies (1971)

7.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini memaparkan dapatan kajian.

7.1 Soalan Kajian 1

Tahap Proses Belajar Permukaan Dan Dalaman Dalam Mata Pelajaran Sejarah Serta Konstruknya Iaitu Motif Dan Strategi Bagi Murid Berpencapaian Rendah Dan Murid Berpencapaian Tinggi

1. Tahap Proses Belajar Permukaan Dalam Mata Pelajaran Sejarah Serta Konstruknya Iaitu Motif Dan Strategi Bagi Murid Berpencapaian Rendah Dan Murid Berpencapaian Tinggi

Berdasarkan Jadual 3, min proses belajar permukaan dalam mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian tinggi ($M=3.03$, $SD=0.57$) adalah lebih tinggi berbanding dengan murid berpencapaian rendah ($M=3.01$, $SD=0.60$) yang berada pada tahap sederhana tinggi dalam kajian ini. Dari segi konstruknya pula, min konstruk motif bagi murid berpencapaian tinggi ($M=2.99$, $SD=0.64$) adalah lebih tinggi berbanding dengan murid berpencapaian rendah ($M=2.97$, $SD=0.67$) yang berada pada tahap sederhana rendah. Seterusnya, min konstruk strategi bagi murid berpencapaian tinggi ($M=3.06$, $SD=0.62$) adalah lebih tinggi berbanding dengan murid berpencapaian rendah ($M=3.05$, $SD=0.66$) yang berada pada tahap sederhana tinggi dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap proses belajar permukaan dalam mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian rendah dan murid berpencapaian tinggi secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi walaupun konstruk motif berada pada tahap sederhana rendah dan konstruk strategi berada pada tahap sederhana tinggi dalam kajian ini. Sungguhpun begitu, proses belajar permukaan dalam mata pelajaran sejarah serta konstruknya iaitu motif dan strategi adalah lebih tinggi bagi murid berpencapaian tinggi berbanding dengan murid berpencapaian rendah dalam kajian ini.

Jadual 3: Min dan Tahap Proses Belajar Permukaan dalam Mata pelajaran Sejarah bagi Murid Berpencapaian rendah dan Murid Berpencapaian Tinggi

Murid	Proses Belajar dalam Mata Pelajaran Sejarah		
	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Tahap
Permukaan			
Murid PR (N=79)	3.01	0.60	Sederhana Tinggi
Murid PT (N=71)	3.03	0.57	Sederhana Tinggi
Motif			
Murid PR (N=79)	2.97	0.67	Sederhana Rendah
Murid PT (N=71)	2.99	0.64	Sederhana Rendah
Strategi			
Murid PR (N=79)	3.05	0.66	Sederhana Tinggi
Murid PT (N=71)	3.06	0.62	Sederhana Tinggi

**Murid PR (Murid berpencapaian rendah) & Murid PT (Murid berpencapaian tinggi)

2. Tahap Proses Belajar Dalaman Dalam Mata Pelajaran Sejarah Serta Konstruknya Iaitu Motif Dan Strategi Bagi Murid Berpencapaian Rendah Dan Murid Berpencapaian Tinggi

Berdasarkan Jadual 4, min proses belajar dalaman dalam mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian rendah ($M=3.25$, $SD=0.80$) adalah lebih tinggi berbanding dengan murid berpencapaian tinggi ($M=3.07$, $SD=0.65$) yang berada pada tahap sederhana tinggi dalam kajian ini. Dari segi konstruknya pula, min konstruk motif bagi murid berpencapaian rendah ($M=3.16$, $SD=0.72$) adalah lebih tinggi berbanding dengan murid berpencapaian tinggi ($M=3.04$, $SD=0.71$) yang berada pada tahap

sederhana tinggi. Seterusnya, min konstruk strategi bagi murid berpencapaian rendah ($M=3.35$, $SD=1.22$) adalah lebih tinggi berbanding dengan murid berpencapaian tinggi ($M=3.10$, $SD=0.65$) yang berada pada tahap sederhana tinggi dalam kajian ini. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap proses belajar dalaman dalam mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian rendah dan murid berpencapaian tinggi secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi termasuk bagi konstruk motif dan strategi berada pada tahap sederhana tinggi dalam kajian ini. Sungguhpun begitu, proses belajar dalaman dalam mata pelajaran sejarah serta konstruksya iaitu motif dan strategi adalah lebih tinggi bagi murid berpencapaian rendah berbanding dengan murid berpencapaian tinggi dalam kajian ini.

Jadual 4: Min dan Tahap Proses Belajar Dalaman Dalam Mata Pelajaran Sejarah bagi Murid Berpencapaian Rendah dan Murid Berpencapaian Tinggi

Murid	Proses Belajar dalam Mata Pelajaran Sejarah		
	Min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Tahap
Dalaman			
Murid PR ($N=79$)	3.25	0.80	Sederhana Tinggi
Murid PT ($N=71$)	3.07	0.65	Sederhana Tinggi
Motif			
Murid PR ($N=79$)	3.16	0.72	Sederhana Tinggi
Murid PT ($N=71$)	3.04	0.71	Sederhana Tinggi
Strategi			
Murid PR ($N=79$)	3.35	1.22	Sederhana Tinggi
Murid PT ($N=71$)	3.10	0.65	Sederhana Tinggi

**Murid PR (Murid berpencapaian rendah) & Murid PT (Murid berpencapaian tinggi)

7.2 Soalan Kajian 2

1. Perbezaan Yang Signifikan Bagi Min Proses Belajar Permukaan Dan Dalaman Dalam Mata Pelajaran Sejarah Serta Konstruksya Iaitu Motif Dan Strategi Berdasarkan Murid Berbeza Tahap Pencapaian

Bagi menjawab soalan kajian kedua, maka sub hipotesis kajian (H_0) telah dibentuk bagi diuji pada aras kesignifikan ($p=0.05$) adalah seperti berikut:

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min proses belajar permukaan dalam mata pelajaran Sejarah berdasarkan murid berbeza tahap pencapaian

H_{01a} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min proses belajar permukaan dalam mata pelajaran Sejarah bagi konstruk motif berdasarkan murid berbeza tahap pencapaian

H_{01b} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min proses belajar permukaan dalam mata pelajaran sejarah bagi konstruk strategi berdasarkan murid berbeza tahap pencapaian

H_{02} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min proses belajar dalaman dalam mata pelajaran Sejarah berdasarkan murid berbeza tahap pencapaian

H_{02a} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min proses belajar dalaman dalam mata pelajaran Sejarah bagi konstruk motif berdasarkan murid berbeza tahap pencapaian

H_{02b} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min proses belajar dalaman dalam mata pelajaran Sejarah bagi konstruk strategi berdasarkan murid berbeza tahap pencapaian

2. Perbezaan Yang Signifikan Bagi Min Proses Belajar Permukaan Dalam Mata Pelajaran Sejarah Serta Konstruksya Iaitu Motif dan Strategi Berdasarkan Murid Berbeza Tahap Pencapaian

Berdasarkan keputusan ujian Levene's yang tidak signifikan ($F=0.19$, $p=0.89$), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 5 telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi proses belajar permukaan dalam mata pelajaran Sejarah [$t(148)=-0.21$, $p=0.83$] berdasarkan murid berbeza tahap pencapaian. Dari segi konstruksya, berdasarkan keputusan ujian Levene's yang tidak signifikan dalam Jadual 5, keputusan ujian-t sampel tak bersandar telah melaporkan

bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi proses belajar permukaan dalam mata pelajaran Sejarah dari segi konstruk motif [$t(148)=-0.23$, $p=0.82$] dan dari segi konstruk strategi [$t(148)=-0.16$, $p=0.87$] berdasarkan murid berbeza tahap pencapaian. Justeru, H_{01} , H_{01a} dan H_{01b} telah diterima. Maka, dapat dirumuskan bahawa proses belajar permukaan dalam mata pelajaran Sejarah secara keseluruhannya dan dari segi konstruk motif dan strategi adalah sama antara murid berpencapaian rendah dan murid berpencapaian tinggi dalam kajian ini.

Jadual 5: Ujian-T Sampel Tak Bersandar bagi Proses Belajar Permukaan Dalam Mata Pelajaran Sejarah Berdasarkan Murid Berbeza Tahap Pencapaian

Perbezaan min	Ujian Levene's		Ujian-t bagi persamaan min						
			t	df	p	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	F	p						Bawah	Atas
Permukaan	0.19	0.89	-0.21	148	0.83	-0.02	0.10	-0.21	0.17
Motif	0.29	0.59	-0.23	148	0.82	-0.02	0.11	-0.24	0.19
Strategi	0.09	0.77	-0.16	148	0.87	-0.02	0.10	-0.22	0.19

3. Perbezaan Yang Signifikan Bagi Min Proses Belajar Dalaman Dalam Mata Pelajaran Sejarah Serta Konstruknya Iaitu Motif Dan Strategi Berdasarkan Murid Berbeza Tahap Pencapaian

Berdasarkan keputusan ujian Levene's yang tidak signifikan ($F=1.68$, $p=0.20$), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 6 telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi proses belajar dalaman dalam mata pelajaran sejarah [$t(148)=1.57$, $p=0.12$] berdasarkan murid berbeza tahap pencapaian. Dari segi konstruknya, berdasarkan keputusan ujian Levene's yang tidak signifikan dalam Jadual 6 telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi proses belajar dalaman dalam mata pelajaran sejarah dari segi konstruk motif [$t(148)=1.07$, $p=0.29$] dan dari segi konstruk strategi [$t(148)=1.55$, $p=0.12$] berdasarkan murid berbeza tahap pencapaian. Justeru, H_{02} , H_{02a} dan H_{02b} telah diterima. Maka, dapat dirumuskan bahawa proses belajar dalaman dalam mata pelajaran sejarah secara keseluruhannya dan dari segi konstruk motif dan strategi adalah sama antara murid berpencapaian rendah dan murid berpencapaian tinggi dalam kajian ini.

Jadual 6: Ujian-T Sampel Tak Bersandar bagi Proses Belajar Dalaman Dalam Mata Pelajaran Sejarah Berdasarkan Murid Berbeza Tahap Pencapaian

Perbezaan min	Ujian Levene's		Ujian-t bagi persamaan min						
			t	df	p	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	F	p						Bawah	Atas
Dalaman	1.68	0.20	1.57	148	0.12	0.19	0.12	-0.05	0.43
Motif	0.19	0.66	1.07	148	0.29	0.13	0.12	-0.11	0.36
Strategi	2.65	0.11	1.55	148	0.12	0.25	0.16	-0.07	0.57

7.3 Soalan Kajian 3

1. Hubungan Yang Signifikan Antara Min Proses Belajar Permukaan Dan Dalaman Serta Konstruknya Iaitu Motif Dan Strategi Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah

Bagi menjawab soalan kajian ketiga, maka sub hipotesis kajian (H_0) telah dibentuk bagi diuji pada aras kesignifikan ($p=0.05$) adalah seperti berikut:

- H_{o3}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi min proses belajar permukaan dengan pencapaian mata pelajaran sejarah
- H_{o3a}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi min proses belajar permukaan bagi konstruk motif dengan pencapaian mata pelajaran sejarah
- H_{o3b}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min proses belajar permukaan bagi konstruk strategi dengan pencapaian mata pelajaran sejarah
- H_{o4}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi min proses belajar dalaman dengan pencapaian mata pelajaran sejarah
- H_{o4a}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi min proses belajar dalaman bagi konstruk motif dengan pencapaian mata pelajaran sejarah
- H_{o4b}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi min proses belajar dalaman bagi konstruk strategi dengan pencapaian mata pelajaran sejarah

2. Hubungan Yang Signifikan Antara Min Proses Belajar Permukaan Serta Konstraknya Iaitu Motif Dan Strategi Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah

Berdasarkan Jadual 7, dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* yang menunjukkan terdapat hubungan linear positif yang signifikan secara tinggi antara min proses belajar permukaan dan pencapaian mata pelajaran sejarah [$r=0.56, p=0.00$]. Dari segi konstraknya, terdapat hubungan linear positif yang signifikan antara min proses belajar permukaan dari segi konstruk motif [$r=0.62, p=0.00$] secara tinggi dan dari segi konstruk strategi [$r=0.38, p=0.00$] secara sederhana dengan pencapaian mata pelajaran sejarah. Justeru, H_{o3}, H_{o3a} dan H_{o3b} telah ditolak. Maka, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan linear positif yang signifikan secara tinggi antara min proses belajar permukaan dan pencapaian mata pelajaran sejarah secara keseluruhannya dalam kajian ini. Perkara ini telah menerangkan bahawa sekiranya min proses belajar permukaan dan konstraknya iaitu motif dan strategi meningkat, maka pencapaian mata pelajaran sejarah juga akan meningkat dalam kalangan murid.

Jadual 7: Hubungan Antara Proses Belajar Permukaan Dengan Pencapaian Sejarah

Proses belajar	Pencapaian Mata Pelajaran sejarah			
	Pearson Correlation	Sig	N	Tahap
Permukaan	0.56**	0.00	150	Tinggi
(a) Motif	0.62**	0.00	150	Tinggi
(b) Strategi	0.38**	0.00	150	Sederhana

** Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

3. Hubungan Yang Signifikan Antara Min Proses Belajar Dalaman Serta Konstraknya Iaitu Motif Dan Strategi Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah

Berdasarkan Jadual 8, dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* yang menunjukkan terdapat hubungan linear positif yang signifikan secara sederhana antara min proses belajar dalaman dan pencapaian mata pelajaran sejarah [$r=0.46, p=0.00$]. Dari segi konstraknya, terdapat hubungan linear positif yang signifikan antara min proses belajar dalaman dari segi konstruk motif [$r=0.52, p=0.00$] secara tinggi dan dari segi konstruk strategi [$r=0.31, p=0.00$] secara sederhana dengan pencapaian mata pelajaran sejarah. Justeru, H_{o4}, H_{o4a} dan H_{o4b} telah ditolak. Maka, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan linear positif yang signifikan secara sederhana antara min proses belajar dalaman dan pencapaian mata pelajaran sejarah secara keseluruhannya dalam kajian ini. Perkara ini telah menerangkan bahawa sekiranya min proses belajar dalaman dan konstraknya iaitu motif dan strategi meningkat, maka pencapaian mata pelajaran sejarah juga akan meningkat dalam kalangan murid.

Jadual 8: Hubungan Antara Proses Belajar Dalam Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah

Proses belajar	Pencapaian sejarah			
	Pearson Correlation	Sig	N	Tahap
Dalam	0.46**	0.00	150	Sederhana
(a) Motif	0.52**	0.00	150	Tinggi
(b) Strategi	0.31**	0.00	150	Sederhana

** Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

7.4 Soalan Kajian 4

1. Hubungan Yang Signifikan Antara Min Proses Belajar Permukaan Dan Dalam Serta Konstruknya Iaitu Motif Dan Strategi Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Bagi Murid Berpencapaian Rendah

Bagi menjawab soalan kajian keempat, maka sub hipotesis kajian (H_0) telah dibentuk bagi diuji pada aras kesignifikan ($p=0.05$) adalah seperti berikut:

- H_{05} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi min proses belajar permukaan dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian rendah
- H_{05a} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi min proses belajar permukaan bagi konstruk motif dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian rendah
- H_{05b} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min proses belajar permukaan bagi konstruk strategi dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian rendah
- H_{06} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi min proses belajar dalam dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian rendah
- H_{06a} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi min proses belajar dalam bagi konstruk motif dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian rendah
- H_{06b} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi min proses belajar dalam bagi konstruk strategi dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian rendah

2. Hubungan Yang Signifikan Antara Min Proses Belajar Permukaan Serta Konstruknya Iaitu Motif Dan Strategi Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Bagi Murid Berpencapaian Rendah

Berdasarkan Jadual 9, dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* yang menunjukkan terdapat hubungan linear positif yang signifikan secara sederhana antara min proses belajar permukaan dan pencapaian mata pelajaran sejarah [$r=0.45$, $p=0.00$] bagi murid berpencapaian rendah. Dari segi konstruknya, terdapat hubungan linear positif yang signifikan antara min proses permukaan dari segi konstruk motif [$r=0.53$, $p=0.00$] secara tinggi dan dari segi konstruk strategi [$r=0.27$, $p=0.00$] secara rendah dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian rendah. Justeru, H_{05} , H_{05a} dan H_{05b} telah ditolak. Maka, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan linear positif yang signifikan secara sederhana antara min proses belajar permukaan dan pencapaian mata pelajaran sejarah secara keseluruhannya bagi murid berpencapaian rendah dalam kajian ini. Perkara ini telah menerangkan bahawa sekiranya min proses belajar permukaan dan konstruknya meningkat, maka pencapaian mata pelajaran sejarah juga akan meningkat dalam kalangan murid berpencapaian rendah.

Jadual 9: Hubungan Antara Proses Belajar Permukaan Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Bagi Murid Berpencapaian Rendah

Proses belajar	Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah			
	Pearson Correlation	Sig	N	Tahap
Permukaan	0.45**	0.00	79	Sederhana
(a) Motif	0.53**	0.00	79	Tinggi
(b) Strategi	0.27**	0.00	79	Rendah

3. Hubungan Yang Signifikan Antara Min Proses Belajar Dalam Serta Konstruknya Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Bagi Murid Berpencapaian Rendah

Berdasarkan Jadual 10, dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* yang menunjukkan terdapat hubungan linear positif yang signifikan secara sederhana antara min proses belajar dalaman dan pencapaian mata pelajaran sejarah [$r=0.37, p=0.00$] bagi murid berpencapaian rendah. Dari segi konstruknya, terdapat hubungan linear positif yang signifikan antara min proses belajar dalaman dari segi konstruk motif [$r=0.50, p=0.00$] secara tinggi dan dari segi konstruk strategi [$r=0.20, p=0.00$] secara rendah dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian rendah. Justeru, H_{06} , H_{06a} , dan H_{06b} telah ditolak. Maka, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan linear positif yang signifikan secara sederhana antara min proses belajar dalaman dan pencapaian mata pelajaran sejarah secara keseluruhannya bagi murid berpencapaian rendah dalam kajian ini. Perkara ini telah menerangkan bahawa sekiranya min proses belajar dalaman dan konstruknya iaitu motif dan strategi meningkat, maka pencapaian mata pelajaran sejarah juga akan meningkat dalam kalangan murid berpencapaian rendah.

Jadual 10: Hubungan Antara Proses Belajar Dalaman Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Bagi Murid Berpencapaian Rendah

Proses belajar	Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah			
	Pearson Correlation	Sig	N	Tahap
Dalaman	0.37**	0.00	79	Sederhana
(a) Motif	0.50**	0.00	79	Tinggi
(b) Strategi	0.20**	0.00	79	Rendah

7.5 Soalan Kajian 5

1. Hubungan Yang Signifikan Antara Min Proses Belajar Permukaan Dan Dalam Serta Konstruknya Iaitu Motif Dan Strategi Dengan Pencapaian Sejarah Bagi Murid Pencapaian Tinggi

Bagi menjawab soalan kajian kelima, maka sub hipotesis kajian (H_0) telah dibentuk bagi diuji pada aras kesignifikan ($p=0.05$) adalah seperti berikut:

- H_{07} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi min proses belajar permukaan dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian tinggi
- H_{07a} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi min proses belajar permukaan bagi konstruk motif dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian tinggi
- H_{07b} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min proses belajar permukaan bagi konstruk strategi dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian tinggi
- H_{08} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi min proses belajar dalaman dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian tinggi
- H_{08a} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi min proses belajar dalaman bagi konstruk motif dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian tinggi
- H_{08b} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan bagi min proses belajar dalaman bagi konstruk strategi dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian tinggi

2. Hubungan Yang Signifikan Antara Min Proses Belajar Permukaan Serta Konstruknya Iaitu Motif Dan Strategi Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Bagi Murid Berpencapaian Tinggi

Berdasarkan Jadual 11, dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi *Pearson* yang menunjukkan terdapat hubungan linear positif yang signifikan secara tinggi antara min proses belajar permukaan dan pencapaian mata pelajaran sejarah [$r=0.68, p=0.00$] bagi murid berpencapaian tinggi. Dari segi konstruknya, terdapat hubungan linear positif yang signifikan antara min proses belajar permukaan dari segi konstruk motif [$r=0.73, p=0.00$] secara sangat tinggi dan dari segi konstruk

strategi [$r=0.51$, $p=0.00$] secara tinggi dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian tinggi. Justeru, H_{07} , H_{07a} dan H_{07b} telah ditolak. Maka, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan linear positif yang signifikan secara tinggi antara min proses belajar permukaan dan pencapaian mata pelajaran sejarah secara keseluruhannya bagi murid berpencapaian tinggi dalam kajian ini. Perkara ini telah menerangkan bahawa sekiranya min proses belajar permukaan dan konstruksyaiaiti motif dan strategi meningkat, maka pencapaian mata pelajaran sejarah juga akan meningkat dalam kalangan murid berpencapaian tinggi.

Jadual 11: Hubungan Antara Proses Belajar Permukaan Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Bagi Murid Berpencapaian Tinggi

Proses belajar	Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah			
	Pearson Correlation	Sig	N	Tahap
Permukaan	0.68**	0.00	71	Tinggi
(a) Motif	0.73**	0.00	71	Sangat Tinggi
(b) Strategi	0.51**	0.00	71	Tinggi

3. Hubungan Yang Signifikan Antara Min Proses Belajar Dalam Serta Konstruksya Iaitu Motif Dan Strategi Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Bagi Murid Berpencapaian Tinggi

Berdasarkan Jadual 12, dapatan kajian telah melaporkan bahawa nilai keofisien korelasi Pearson yang menunjukkan terdapat hubungan linear positif yang signifikan secara tinggi antara min proses belajar dalaman dan pencapaian mata pelajaran sejarah [$r=0.63$, $p=0.00$] bagi murid berpencapaian tinggi. Dari segi konstruksya, terdapat hubungan linear positif yang signifikan antara min proses belajar dalaman dari segi konstruk motif [$r=0.56$, $p=0.00$] secara tinggi dan dari segi konstruk strategi [$r=0.64$, $p=0.00$] secara tinggi dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian tinggi. Justeru, H_{08} , H_{08a} dan H_{08b} telah ditolak. Maka, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan linear positif yang signifikan secara tinggi antara min proses belajar dalaman dan pencapaian mata pelajaran sejarah secara keseluruhannya bagi murid berpencapaian tinggi dalam kajian ini. Perkara ini telah menerangkan bahawa sekiranya min proses belajar dalaman dan konstruksya iaitu motif dan strategi meningkat, maka pencapaian mata pelajaran sejarah juga akan meningkat dalam kalangan murid berpencapaian tinggi.

Jadual 12: Hubungan Antara Proses Belajar Dalaman Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Bagi Murid Berpencapaian Tinggi

Proses belajar	Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah			
	Pearson Correlation	Sig	N	Tahap
Dalaman	0.63**	0.00	71	Tinggi
(a) Motif	0.56**	0.00	71	Tinggi
(b) Strategi	0.64**	0.00	71	Tinggi

8.0 PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa tahap proses belajar sama ada proses belajar permukaan dan proses belajar dalaman dalam mata pelajaran sejarah berada pada tahap sederhana tinggi bagi murid berpencapaian rendah dan murid berpencapaian tinggi. Tambahan pula, dapatan kajian ini turut melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi proses belajar permukaan dan dalaman dalam mata pelajaran sejarah berdasarkan murid berbeza tahap pencapaian walaupun murid berpencapaian rendah lebih tinggi mengaplikasikan proses belajar dalaman manakala murid berpencapaian tinggi pula lebih kerap mengaplikasikan proses belajar permukaan dalam kajian ini. Sungguhpun begitu,

dapatan kajian ini didapati seiring dengan dapatan kajian Hargett et al (1994) yang telah mengkaji profil murid berbeza tahap pencapaian iaitu murid berpencapaian tinggi, murid berpencapaian sederhana dan murid berpencapaian rendah dan pengkaji tersebut telah melaporkan bahawa murid berpencapaian tinggi mengaplikasikan proses belajar permukaan bagi mencapai gred pencapaian akademik yang baik melalui adaptasi proses belajar dalaman. Dapatan kajian Hargett et al (1994) tersebut adalah konsisten dengan amalan proses belajar murid perubahan yang mengaplikasikan proses belajar dalaman yang lebih kerap bagi murid junior dan murid senior seperti yang diperjelaskan oleh pengkaji Fatima dan Rizof (2019) dalam kajiannya dan seterusnya dapatan kajian Ellah et al (2018) yang juga telah melaporkan bahawa murid berpencapaian rendah adalah sama dalam mengaplikasikan proses belajar permukaan dan dalaman walaupun hanya terdapat perbezaan dari segi kesedaran metakognitif sahaja. Rentetan daripada itu, ketiga-tiga dapatan kajian tersebut iaitu kajian Hargett et al (1994), Fatima dan Rizof (2019) dan Ellah, Nwargu dan Achor (2018) secara tidak langsung telah menyokong dapatan kajian ini dengan merumuskan bahawa tahap proses belajar permukaan dan dalaman berada pada tahap sederhana tinggi bagi murid berpencapaian rendah dan murid berpencapaian tinggi.

Selain itu, dapatan kajian ini yang turut menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear positif yang signifikan antara proses belajar dan pencapaian mata pelajaran sejarah iaitu secara tinggi bagi proses belajar permukaan dan sederhana bagi proses belajar dalaman adalah bertentangan dengan dapatan kajian Astika dan Samakal (2020) yang telah melaporkan bahawa terdapat hubungan korelasi yang positif secara lemah antara pendekatan belajar dan pencapaian kursus English secara keseluruhannya walaupun proses belajar dalaman dilaporkan mempunyai hubungan korelasi yang negatif. Sungguhpun begitu, dapatan kajian Wartinelli dan Reykau (2017) yang turut melaporkan bahawa proses belajar dalaman mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian akademik dalam kalangan murid secara tidak langsung telah menyokong dapatan kajian ini yang telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear positif yang sederhana dan tinggi antara proses belajar permukaan dan dalaman dengan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi murid berpencapaian rendah dan murid berpencapaian tinggi. Hubungan yang sederhana dan tinggi bagi proses belajar permukaan dan dalaman dalam kajian ini adalah sealiran dengan dapatan kajian Choy, O'Grady dan Rotgans (2012) yang telah menjelaskan bahawa pendekatan proses belajar merupakan faktor peramal kepada pencapaian akademik yang mempunyai kaitan rapat dengan perubahan tingkah laku murid di dalam kelas dan dapatan kajian Hua et al (2007) yang telah menjelaskan bahawa murid berpencapaian rendah mempunyai kesedaran terhadap pendekatan proses belajar yang tinggi dalam mengubah suai proses belajar mereka ke arah pendekatan proses belajar dalaman. Justeru, secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan linear positif yang signifikan antara proses belajar dan pencapaian mata pelajaran sejarah berdasarkan murid berpencapaian rendah dan murid berpencapaian tinggi dalam kajian ini.

9.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap proses belajar permukaan dan dalaman dalam mata pelajaran sejarah berada pada tahap tinggi walaupun tidak terdapat perbezaan bagi murid berpencapaian rendah dan murid berpencapaian tinggi, di samping terdapat hubungan linear positif antara proses belajar permukaan dan dalaman dengan pencapaian mata pelajaran sejarah.

Implikasi kajian ini telah memaparkan maklumat kepada semua pihak bahawa proses belajar dan pencapaian mata pelajaran Sejarah perlu diberi perhatian oleh guru-guru sejarah dan perkara ini adalah disebabkan oleh kedua-dua elemen tersebut adalah saling berkait dan mempengaruhi keberkesanan proses pembelajaran mata pelajaran sejarah.

10.0 RUJUKAN

- Ahamed, S.S., Almarzaq, A., Almaghen, R., Alhardi, O., Jallal, A & Aloring, M. (2017). Assessing Saudi Medical students learning approach using the revised two factors study process questionnaire. *International Journal of Medical Education*, 272 – 296.
- Astika, G & Samakal, D.T.Y.G. (2020). Students profiles through learning approaches using Biggs Study Process Questionnaire. *ELTR Journal*, 4(1), 36 – 42.
- Bernardo, A.B. (2003). Approaches to learning and academic achievement of Filipino students. *The Journal of Genetic Psychology*, 164 (1), 101 – 114.
- Biggs, J., Kember, D., & Leung, D. Y. (2001). The Revised Two-Factor Study Process Questionnaire: R-SPQ-2F. *The British Journal of Educational Psychology*, 71, 133-149.
- Biggs, J.B (1999). *Teaching for quality learning at university*. Buckingham: Society for Research into Higher Education and Open University Press.
- Biggs, J.B. (1987). *Study process questionnaire manual*. Melbourne: Australia Council for Educational Research.
- Bliac, A.M., Ellis, R.A., Goodyear, P., & Muntele, D. (2011). Understanding student learning in context: Relationship between students' social identity, approaches to learning and academic performance. *European Journal of Psychology of Education*, 26, 427 – 433.
- Booth, P., Lockett, P., & Mladenovic, R (1999). The quality of learning in accounting education: The impact of approaches to learning on academic performance. *Accounting Education*, 8(4), 277 – 300.
- Brown, L.G. (1981). *Measuring classroom achievement*. USA: Holt Richard & Winston.
- Choy, J.L.F, O'Gready, G & Rotgans, J.I. (2012). Is the study process Questionnaire (SPQ) a good predictor of academic achievement? Examining the mediating role of achievement related classroom behaviours. *Instruction Sciences*, 40, 159-172.
- Davies, I.I.C. (1971). *The Management of Learning*. London: C Gain Hill.
- Diseth, A., Pallesen, S., Harland, A & Larsen, S. (2006). Course experiences, approaches to learning and academic achievement. *Emerald Education and Training*, 49(23), 156 – 169.
- Duff, A., Boyle, E., Dunleary, K & Ferguson, J. (2004). The relationship between personality, approaches to learning and academic achievement. *Personalities and Individual differences*, 36, 1907 – 1920.
- Ebel, R.L., & Frishie, D.A. (1991). *Essential of educational measurement (5th ed.)*. New Delhi: Prentice-Hall of India.
- Ellah, B. O., Nwargu, L.N., & Achor, E.E. (2018). Metacognition awareness and study process of senior secondary school sciences students of low ability level. *Journal of research in curriculum teaching*, 10(1), 103 – 180.
- Entwistle, N.J (1995). *Supporting effective learning: A research perspective*. Edinburgh: Centre for Research on Learning and Instruction, University of Edinburgh.
- Faridah Hussin, Salina Hamed & Sarina Md Jam. (2017). Approaches to learning of Engineering Students: Deep or surface? *International Academic Research Journal of Social Sciences*, 3(1), 122- 127.

- Fatima, K & Rizof, R.F (2019). Comparing the learning approaches using Biggs Revised Study Process Questionnaire (R-SPQ-2F) among Dental undergraduates. JPDA, 28(2), 68 – 73.
- Gijbels, D., Van de Watering, G., Dochy, F., & Van den Bossche, P. (2005). The relationship between students' approaches to learning and the assessment of learning outcomes. *European Journal of Psychology of Education*, 20(4), 327–341.
- Hanim, N.Z., Zaiton, A & Norshidah, N. (2013). The relationship between learning approaches and academic achievement among Intec students UiTM Shah Alam. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 90, 178 – 186.
- Hargett, M.O., Bolen, L.M & Hall, S.W (1994). Differences in learning strategies for high, middle and low ability student measured by the study process Questionnaire. Paper presented in National Association of school psychologists.
- Hua, T.M. Williams, S & Hoi, P.S. (2007). Using the Biggs' Study Process Questionnaire (SPQ) as a diagnostic tool to identify "at-risk" students-a Preliminary Study.
- Kember, D., Biggs, J.B., & Leung, D.Y. (2004). Examining the multidimensionality of approaches to learning through the development of a revised version of the learning process questionnaire. *British Journal of Educational Psychology*, 74, 261 – 280.
- Kulasingam, K., & Kaviza, M. (2022). Pendekatan Proses Belajar dalam Kalangan Murid Sejarah: Permukaan atau Dalaman? *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), p. e002005.
- Lopez, B.G., Cerevero, G.A., Rodriguez, J.M., Felix, F.G., & Esteban, P.R. (2013). Learning styles and approaches to learning in excellent and average first year university students'. *European Journal of Psychology of education*, 28, 1361 – 1379.
- Lublin, J. (2003). *Deep, surface and strategies approaches to learning*. Centre for Teaching and Learning. Dublin.
- Nunnally, J.C., & Bernstein, I.H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). New York: McGraw Hill.
- Phan, H.P., & Deo, B. (2007). The revised learning process questionnaire: A validation of a western model of students' study approaches to the South Pacific context using confirmatory factor analysis. *British Journal of Educational Psychology*, 77, 719 – 739.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat dan Lima*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ramburuth, P., & Mladenovic, R. (2004). Exploring the relationship between students orientations to learning the structure of students learning outcome and subsequent academic performance. *Accounting Education*, 13(4), 507-527.
- Seri, B.M., Saemah, R., Ramlee, M & Mohd, Y.H. (2012). Relationship between learning environment and learning approaches among engineering students. *Proceedings of International Conference on Teaching and Learning in Higher Education*.
- Sharifah Amnah Syed Ahmad. (2009). Sumbangan peramal kognitif dan bukan kognitif terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar di sebuah institusi Pengajian tinggi awam. Tesis Ijazah kedoktoran Universiti Sains Malaysia.
- Snelgrove, S., & Slater, J. (2003). Approaches to learning: Psychometric testing of a study process questionnaire. *Journal of Advanced Nursing*, 45(5), 496 – 505.
- Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan dan Abdul Aziz Abdul Shukor (2008). *Psikologi Pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd
- Uma Sekaran & Bougie, R. (2013). *Research methods for bussiness: A skills-building approach* (6th ed.). United Kingdom: John Wiley & Sons Ltd.

- Wartinelli, V & Reykau, M (2017). Evaluation of the Revised Two factor Study Process Questionnaire (R-SPQ-2F) for the student teacher approaches to learning. *Journal of educational and Social research*, 7(2), 9-13.
- Watkin, D. (2001). Correlates of approaches to learning: A cross-cultural meta analysis. In R. Sternberg & L. Zhang (Eds), *Perspective on thinking, learning and cognition styles* (pp.165 – 195). New Jersey: Erlbaum.